

Tak puas bergambar

■ Pengunjung sifatkan pameran panda berkesedaran cinta alam sekitar

Oleh Siti Aisyah Sukaimi
sitiaysia@hmetro.com.my
Putrajaya

Dapat tengok se-tengah jam saja. Tak puas nak bergambar," itu reaksi Engku Sulwani Engku Ismail, 23, seorang daripada pengunjung yang mengambil kesempatan melihat secara dekat pelbagai aksi patung panda menerusi Siri Jelajah Dunia 1,600 Panda di negara ini.

"Saya dapat tahu ia singgah di Putrajaya hari ini (semalam) dan sebab itu, kami datang ke Dataran Putra ini," katanya ketika ditemui Harian Metro di sini, semalam.


Bagaimanapun, Engku Sulwani berkata, dia dan rakananya yang lain agak kecewa kerana hanya sempat bergambar dan melihat patung panda yang dipamerkan sekitar setengah jam sahaja.

"Rasa tidak puas sebab da-

Dataran Putra, Presint 1 bermula jam 2 petang hingga 4 petang memandangkan Putrajaya menjadi satu daripada tempat dalam siri jelajah menerusi program berkenaan.

Engku Sulwani yang juga pelajar Perubatan Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, dia bersama dua rakananya ke Putrajaya semata-mata mahu melihat dan bergambar dengan patung panda berkenaan.


"Sebelum ini, saya ada membaca menerusi media dan Internet mengenai kehadiran patung panda ini yang singgah di 15 tempat di negara ini.



Kami sampai ke sini lambat, penganjur pula mengutip dan menyimpan patung panda terlalu awal

Engku Sulwani Engku Ismail

pat tengok dan bergambar dalam masa yang singkat. Kami sampai ke sini lambat, penganjur pula mengutip dan menyimpan patung



SERI Ayu

panda terlalu awal walaupun belum jam 4 petang.

"Cuaca juga tidak berapa baik, hujan dan jika dibiar kan, mungkin merosakkan patung panda itu. Bagaimanapun, saya gembira dan berharap menyaksikan patung panda ini lagi," katanya.

Rakananya, Seri Ayu Che Ri, 22, yang juga pelajar jurusan Bioperubatan, UPM berkata, dia memuji penganjuran siri jelajah panda berkenaan kerana disifatkan usaha memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kecintaan alam sekitar dan hidupan lain.

"Pameran patung panda ini boleh memberi kesedaran kepada orang ramai bukan saja panda semata-mata, tetapi hidupan lain yang menghadapi masalah kepupusan."

"Sekiranya pameran pa-



ORANG ramai mengambil peluang bergambar dengan patung panda.

tung panda ini dapat diteruskan pada masa akan datang, saya berharap dapat menyaksikannya lagi dan bergambar dengannya," katanya.

Pengunjung lain, Muhd Nabil Nadir, 23, yang juga pelajar pengurusan perniagaan Universiti Selangor (UNISEL) berkata, dia mencadangkan penganjur memamerkan info dan maklumat mengenai panda ketika siri jelajah berkenaan.

"Saya pernah melihat panda di Zoo Negara dan di situ, disediakan maklumat berkenaan panda seperti makana, habitat dan tabiat haiwan ini."

"Justeru, saya menca-

dangkan info dan maklumat berkenaan panda dapat disediakan ketika siri jelajah ini kerana pengunjung bukan saja dapat bergambar semata-mata, tetapi boleh menambah pengetahuan," katanya.

Siri Jelajah Dunia 1,600 Panda berlangsung di negara ini bermula Ahad lalu hingga 25 Januari depan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai ancaman kepupusan haiwan itu.

La singgah di 15 tempat di negara ini termasuk Dataran Putrajaya, Batu Caves di Selangor, Menara Condong Teluk Intan di Perak dan Bangunan Stadthuys di Melaka.